

Headline	<b>Apa yang ada dalam hati lebih penting dari penampilan</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>01 Jul 2010</b>	Page No	<b>3</b>
MediaTitle	<b>Harian Ekspres (KK)</b>	Article Size	<b>67 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Tempatan</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>138</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>414</b>
Circ / Read	<b>29,826 / 97,836</b>		



## Apa yang ada dalam hati lebih penting dari penampilan

**SAYA** merujuk kepada kaji selidik oleh UPM yang mendedahkan bahawa kebanyakan orang Melayu di bandar dan luar bandar berumur antara 13 dan 25 tahun dengan pendidikan agama mengakui mengamalkan seks bebas sementara ada yang mengakui menggugurkan kandungan.

Pada hari sama laporan itu disiarkan, ada satu laporan lain berhubung seorang pelajar Tingkatan 5 bernama Noraini Mohd Noor, dari Pasir Mas di Kelantan, yang ditemui meninggal dunia di sebuah bilik hotel ketika cuba menggugurkan kandungan dengan dibantu teman lelakinya, berumur 18 tahun.

Apa yang lebih mengejutkan ialah setiap gadis dan wanita di Kelantan memakai tudung untuk menunjukkan mereka patuh kepada perintah agama malah diharamkan meminum arak.

Tapi kita jarang pula mendengar kejadian-kejadian serupa membabitkan belia-belia bukan-Islam.

Kelantan juga mempunyai bilangan kes AIDS/HIV di negara ini sehingga mesej-mesej anti-AIDS diselitkan dalam khutbah-khutbah.

Apa yang ingin saya tekankan ialah penampilan boleh mengelirukan dan tidak menunjukkan bahawa seseorang itu benar-benar mematuhi apa yang dituntut oleh agamanya.

Ianya juga salah untuk mengutuk atau menghukum apabila sesuatu kesalahan atau dosa itu dilakukan sebaliknya membenarkan pihak terbabit bertaubat.

**The Forgiven**